

## **BAB SATU :**

### **PENDAHULUAN**

---

#### **1.1 Pengenalan**

Ikatan perkahwinan merupakan satu perkara yang sangat dituntut dalam Islam sehinggakan perhubungan antara suami dan isteri ini disebut sebagai salah satu rahmat dan tanda kebesaran Allah s.w.t. kepada manusia. Namun, keadaan menyedihkan apabila pertentangan pendapat dan perbezaan pemikiran yang tidak dapat dikawal antara suami dan isteri boleh menyebabkan salah faham. Situasi inilah yang boleh membawa kepada konflik dalam rumah tangga.

Realitinya, tidak dapat disangkal bahawa antara faktor membarahnya konflik dalam rumah tangga ialah kegagalan pelayar bahtera rumah tangga itu sendiri dalam memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaiknya. Kelalaian atau kegagalan melaksanakan tanggungjawab sama ada sebagai suami mahupun sebagai isteri menyebabkan berlakunya keadaan yang menjurus kepada perlakuan *nusyūz*.

*Nusyūz* didefinisikan sebagai suatu perbuatan yang membelakangkan syarak dan juga pasangan, iaitu sama ada *nusyūz* di pihak isteri mahupun di pihak suami. Namun, persoalan *nusyūz* yang penulis ketengahkan ini adalah hanya *nusyūz* di pihak isteri sahaja. *Nusyūz* isteri didefinisikan sebagai suatu tindakan yang dilakukan oleh isteri yang dianggap menentang kehendak suami dengan tidak ada alasan yang munasabah menurut hukum syarak.

Justeru, suami dan isteri yang terlibat dalam konflik harus berusaha mengenal pasti punca kepada krisis yang berlanjutan tersebut dan berbincang bagi mencari jalan penyelesaian agar perkahwinan dapat diselamatkan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sesebuah institusi kekeluargaan yang dibina oleh pasangan suami dan isteri sememangnya mengimpikan kebahagiaan dan keharmonian yang berpanjangan. Namun, dalam sesetengah keadaan, pasangan suami isteri tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai masalah.

Setiap pasangan telah diamanahkan dengan tanggungjawab dan peranan masing-masing sejak sah bergelar suami mahupun isteri kepada pasangan. Tanggungjawab isteri terhadap suaminya tidaklah hanya dengan mentaati dan melayani suami serta memelihara harta dan maruah suami semata-mata. Sebaliknya, sebagai seorang isteri, tanggungjawab terhadap suami adalah luas iaitu wajib bagi memenuhi setiap kemahuan dan kehendak suami selagi tidak bertentangan hukum syarak. Oleh itu, sekiranya isteri tidak dapat memenuhi tanggungjawab tersebut tanpa keuzuran yang munasabah, isteri tersebut boleh disabitkan sebagai *nusyūz*.

Demikian juga keadaannya bagi suami yang gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ke atasnya dalam rumah tangga seperti tidak memberi nafkah zahir dan batin dan menganiayai isteri tanpa sebab. Suami yang demikian juga boleh disabitkan *nusyūz* menurut hukum syarak. Namun, *nusyūz* tidak sewenang-wenangnya boleh disabitkan sama ada ke atas isteri mahupun suami kerana hanya mahkamah syariah sahaja yang berbidangkuasa dalam perkara ini.

Setelah isteri disabitkan *nusyūz* oleh mahkamah syariah, maka terdapat isu-isu berbangkit yang timbul khasnya impak terhadap kedudukan isteri dalam rumah tangga dan tuntutan kehartaan sekiranya pihak-pihak bercerai. Antaranya gugur hak nafkah terhadap isteri yang *nusyūz*, kedudukan isteri yang telah disabitkan *nusyūz* dan persoalan taubatnya, hak terhadap tuntutan-tuntutan lain seperti mut'ah, harta sepencarian dan hadhanah oleh isteri *nusyūz* selepas perceraian dan pelbagai lagi.

Demikian juga dengan pentafsiran dan kedudukan *nusyūz* dari sudut perundangan Islam di Malaysia. Beberapa perkara wajar diperjelaskan antaranya istilah *nusyūz* yang tiada ditafsirkan di dalam undang-undang, iaitu hanya pemakaian peruntukan nafkah dalam memperincikan isu *nusyūz*. Justeru, konsep *nusyūz* itu sendiri perlulah diperhalusi dan diperjelaskan dengan sebaik-baiknya khasnya kepada masyarakat.

Sebenarnya, *nusyūz* merupakan suatu isu dan persoalan yang sudah lama dibincangkan. Isu ini turut dibincang dan diperjelas dalam kitab-kitab Fiqh dan penulisan semasa. *Nusyūz* secara tersiratnya dinyatakan dalam peruntukan undang-undang, khasnya di dalam Undang-Undang Keluarga Islam, iaitu dalam perkara yang membincangkan hak nafkah isteri. Tiada tafsiran secara khusus yang menjelaskan *nusyūz* dengan lebih lanjut. Oleh demikian, situasi ini boleh membawa kepada kesamaran dalam memahami prinsip *nusyūz* menurut undang-undang Islam yang dikanunkan ini.

Selain itu, perkara penting yang wajar dibincangkan dalam hal berkenaan *nusyūz* ialah proses atau prosedur pensabitan *nusyūz* di mahkamah syariah. Setakat ini, tiada kaedah khusus berkenaan proses pensabitan *nusyūz* sebagai panduan dalam perkara ini, sebaliknya berdasarkan amalan para hakim dalam mendengar dan memutuskan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sahaja.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan utama kajian ini ialah ketiadaan peruntukan yang jelas dalam undang-undang berkenaan perkara ini. Peruntukan Seksyen 59(2)<sup>1</sup> dan Seksyen 65(1)<sup>2</sup> dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984<sup>3</sup> menunjukkan bahawa pengertian *nusyūz* dalam kedua-dua peruntukan tersebut terlalu sempit dan hanya disebut dalam perkara nafkah isteri sahaja.

Jika seseorang isteri berlaku *nusyūz* seperti yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut dan disabitkan, maka isteri *nusyūz* tersebut tidak berhak daripada menerima nafkah daripada suaminya sama ada ketika berada dalam tempoh iddah ataupun ketika masih dalam perkahwinan. Selain daripada kedua-dua peruntukan tersebut, *nusyūz* tidak disebut dalam mana-mana peruntukan AUKI 1984 yang lain.

Justeru, pensabitan isteri sebagai *nusyūz* memberi impak terhadap kedudukan isteri khususnya dalam tuntutan nafkah diri. Namun demikian, tiada peruntukan mengenai tuntutan kehartaan yang lain selepas perceraian seperti hadhanah, harta sepencarian dan mut'ah.

Di samping itu, kekurangan kes induk bagi Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan di mahkamah syariah, khususnya di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur<sup>4</sup> turut menimbulkan beberapa persoalan yang wajar dirungkaikan. Undang-undang Islam di Malaysia memberi ruang kepada mana-mana suami untuk memfailkan Tuntutan

---

<sup>1</sup> Kuasa Mahkamah memerintah nafkah bagi isteri, dan efek *nusyūz*.

(2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia *nusyūz* atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain –

(a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;

(b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya;

(c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain

<sup>2</sup> Hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian.

(1) Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri itu *nusyūz*.

<sup>3</sup> Akta 303. Selepas ini disebut sebagai AUKI 1984.

<sup>4</sup> Selepas ini disebut sebagai MRSWP Kuala Lumpur.

Isteri Taat terhadap isterinya bagi mendapatkan perintah mahkamah agar isterinya kembali taat. Oleh yang demikian, persoalan timbul sama ada ruang bagi Tuntutan Isteri Taat digunakan oleh para suami yang terbabit sehingga kurang kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang didaftarkan di MRSWP Kuala Lumpur.

Demikian juga dengan kemungkinan isu *nusyūz* ini timbul sebagai pembelaan atau tuntutan balas sebagai perkara berbangkit dalam pertikaian pihak-pihak dalam kes induk tertentu. Oleh itu, pendekatan atau amalan mahkamah syariah dalam menyelesaikan pertikaian terbabit dan isu *nusyūz* perlu diteliti sewajarnya melalui fail-fail kes yang diselesaikan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mensasarkan objektif yang perlu penulis capai di akhir penulisan kajian, iaitu :

- (i) Menjelaskan perbincangan para sarjana fiqh tentang konsep *nusyūz*;
- (ii) Menganalisis tafsiran *nusyūz* dan prosedur pensabitan isteri *nusyūz* berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam, amalan dan pelaksanaan di MRSWP Kuala Lumpur; dan
- (iii) Mengkaji implikasi perundangan apabila seseorang isteri disabitkan *nusyūz* oleh mahkamah.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah bagi menjawab beberapa persoalan dalam pensabitan isteri *nusyūz* sama adalah dari aspek pentafsirannya, pemakaian undang-undang dan juga implikasi *nusyūz* terhadap hak-hak isteri. Persoalan-persoalan berkenaan maksud

*nusyūz* itu sendiri dan apakah tindakan-tindakan isteri yang boleh membawa kepada *nusyūz* harus dijelaskan sewajarnya dalam kajian ini.

Begitu juga dengan pemakaian undang-undang oleh Mahkamah dan juga pihak-pihak yang terlibat termasuklah peguam syarie dalam setiap kes yang didengar dan adakah peruntukan perundangan tersebut telah mencukupi dalam membantu menyelesaikan pertikaian dalam setiap kes. Selain itu, efek pensabitan *nusyūz* terhadap isteri, khasnya mengenai hak-hak mereka hendaklah dikupas dan dijelas sebaiknya melalui kajian ini.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah mengambil kira dari pelbagai aspek termasuklah kepentingan kajian yang dijalankan. Antaranya ialah memberi penjelasan yang meluas berkenaan konsep *nusyūz* itu sendiri, seperti bagaimanakah tindakan isteri yang boleh dimaksudkan sebagai *nusyūz*. Situasi yang lazim dibincangkan ialah perbuatan isteri meninggalkan rumah yang disediakan oleh suami akibat tindakan suami yang memukul. Persoalan yang sewajarnya timbul ialah adakah perbuatan meninggalkan rumah oleh isteri dengan alasan dipukul oleh suami tersebut boleh menyebabkan isteri tersebut dianggap sebagai *nusyūz*?

Secara umumnya juga, hasil penulisan ini diharapkan dapat membantu mana-mana pihak dan merungkaikan persoalan mereka khasnya pihak yang mempunyai masalah atau terlibat sendiri dalam persoalan *nusyūz* ini. Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberi pendedahan, kefahaman dan pengetahuan kepada pihak-pihak yang terlibat sama ada kepada suami mahupun isteri berkenaan proses yang perlu dilalui di mahkamah dalam menentukan hak masing-masing.

Hal ini adalah penting kerana masih ramai yang tidak mengetahui tatacara yang digunakan di mahkamah syariah dan sekaligus seolah-olah beranggapan bahawa hak mereka dinafikan. Tambahan pula, masih ramai juga yang tidak mengetahui bahawa wujudnya peruntukan yang membolehkan Tuntutan Isteri Taat dan Tuntutan Sabitan *Nusyūz* boleh difailkan di mahkamah. Keadaan ini juga berkepentingan untuk menjamin hak dan kedudukan setiap individu dalam sesebuah institusi keluarga yang dibina sama ada berlandaskan kehendak hukum Syarak dan undang-undang keluarga Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dengan penulisan kajian ini, diharapkan agar dapat memberikan sumbangan bagi faedah dan kepentingan mana-mana pihak yang berkenaan dalam pengendalian pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, khususnya bagi pemakaiannya di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutamanya kepada para Hakim dan peguam syarie.

Kajian ini dapat memberi gambaran dan panduan yang lebih sistematik kepada para Hakim. Tiada suatu prosedur khusus berkenaan perkara ini namun dengan kajian yang berorientasikan pengamalan Hakim kini dapat membantu Hakim yang lain dalam mendengar kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Modul ini bukan sahaja untuk digunakan di Wilayah Persekutuan, malah boleh diseragamkan di seluruh Malaysia dengan dijadikan Kaedah atau Arahan Amalan.

Kajian yang dihasilkan ini juga merupakan kesinambungan kajian penulis yang terdahulu. Tindakan penulis untuk meneruskan pengkajian berkenaan isu isteri *nusyūz* ini adalah bertitiktolak daripada kurangnya penulisan terkini yang membincangkan persoalan *nusyūz* dan implikasinya ke atas wanita atau isteri itu sendiri. Kajian tentang *nusyūz* amat kurang dan bahan bacaan kajian terkini juga terhad. Oleh demikian, dengan hasil kajian

penulis ini dapat menambah sumber rujukan semasa berkenaan persoalan *nusyūz* di samping membuka ruang kepada kajian-kajian seterusnya selepas ini.

Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan petunjuk asas kepada mereka yang bakal mendirikan rumah tangga sebagai maklumat awal berkenaan kewajipan melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri dan suami. Dengan hasil kajian ini juga dapat mendedahkan kepada masyarakat supaya mengetahui prosedur agar dapat memberi kemudahan dan kefahaman khasnya kepada pihak yang teraniaya dalam menuntut keadilan dan hak masing-masing.

Selain itu, secara umumnya, dengan penulisan kajian ini yang berteraskan kajian kes terhadap fail-fail kes, dapat memberikan pendedahan berkenaan kedudukan institusi kekeluargaan Islam di Malaysia kini. Keruntuhan sesebuah rumah tangga mampu memberikan efek bukan sahaja kepada kepada suami isteri tersebut malah turut dapat menjejaskan pembentukan masyarakat yang berkasih sayang. Justeru, kajian ini dapat merungkai sedikit sebanyak kedudukan atau keadaan institusi kekeluargaan Islam kini.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini memperincikan konsep *nusyūz* menurut pengertian Syarak di samping memfokuskan undang-undang yang digunapakai di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam menghuraikan persoalan *nusyūz*. Pemilihan MRSWP Kuala Lumpur adalah bertepatan dengan matlamat penulis yang ingin mengkaji kes-kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang melalui proses perbicaraan. Kajian penulis sebelum ini adalah di negeri Perlis dan kes yang difailkan adalah amat terhad dan lebih tertumpu kepada Tuntutan Isteri Taat berbanding Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Oleh itu, berdasarkan



statistik dan maklumat awal yang diperoleh, MRSWP Kuala Lumpur adalah tempat kajian yang sesuai.

Kajian di sini juga menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan memandangkan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan tumpuan pendaftaran kes-kes. Justeru, ekoran jumlah kes yang banyak berbanding di mahkamah syariah di negeri-negeri lain ini dapat membantu penulis mengkaji dan meneliti asas-asas tuntutan, prosedur yang dilalui dan hasil daripada tuntutan yang difailkan tersebut dalam skop sabitan isteri *nusyūz*.

Secara umum, kajian ini terbahagi kepada dua (2) skop utama, iaitu melibatkan peruntukan AUKI 1984 dan analisa kes-kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Bagi peruntukan AUKI 1984, kajian memfokuskan pemakaian undang-undang sedia ada berhubung sabitan isteri *nusyūz* menurut perspektif undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sementara itu, analisis fail-fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur adalah dengan akses secara terus kepada fail kes. Tempoh analisis kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* juga dihadkan bagi tempoh enam tahun sahaja iaitu dari tahun 2004 hingga 2009 bagi membolehkan penulis dapat mengkaji dengan lebih terperinci dan fokus.

Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada *nusyūz* isteri sahaja dan tidak bagi *nusyūz* suami kerana semua kes yang didaftarkan adalah daripada pihak suami yang memohon kepada mahkamah agar mensabitkan isterinya sebagai *nusyūz* dan tiada kes yang sebaliknya.

## 1.8 Ulasan Penulisan

Pada asasnya, isu *nusyūz* dan pensabitannya agak kurang dibincangkan sebagai isu utama dalam penulisan. Namun demikian, perkara *nusyūz* ini bukanlah suatu yang baru kerana telah ada dibincangkan oleh para cendekiawan Islam sejak dulu sehinggalah kepada penulisan kontemporari. Penulisan-penulisan tersebut juga telah dibukukan bagi memudahkan perkongsian dan percambahan ilmu.

Perbincangan secara mendalam berkenaan persoalan *nusyūz* sama ada *nusyūz* di pihak isteri mahupun *nusyūz* di pihak suami telahpun bermula pada zaman ulama' terdahulu. Secara umumnya, rujukan asas berkenaan *nusyūz* adalah melalui kitab-kitab fiqh muktabar hasil penulisan para ulama' terdahulu. Penulisan-penulisan ini menghuraikan konsep *nusyūz* mengikut pandangan syarak, khasnya tindakan yang boleh menjurus kepada *nusyūz*. Penekanan konsep *nusyūz* dalam penulisan kitab-kitab Fiqh tersebut adalah dengan membincangkan berkenaan definisi *nusyūz* secara literal dan juga terminologi.

Namun, beberapa isu yang timbul daripada persoalan *nusyūz* tidak dibincangkan dalam bentuk yang khusus seperti efek pensabitan *nusyūz* terhadap mut'ah, harta sepencarian dan hadhanah. Kebanyakan penulisan hanya menjelaskan efek kepada nafkah dan perkara ini tiada pertikaian kerana berdasarkan nas syarak.

Hasil pembacaan dan penelitian penulis, kebanyakan penulisan dalam kitab-kitab turath membincangkan persoalan *nusyūz* ini dalam Bab Nafkah dan isu *nusyūz* yang dihuraikan adalah berkenaan *nusyūz* suami kepada isteri dan *nusyūz* isteri kepada suami. Isu *nusyūz* ini juga hanya disentuh secara langsung dalam topik yang membincangkan keadaan-keadaan yang mewajibkan pemberian nafkah dan dalam membincangkan perkara mengenai tanggungjawab isteri terhadap suami yang berkait rapat dengan ketaatan.

Antaranya ialah kitab *al-Umm*<sup>5</sup> karangan al-Imam Muhammad Ibn Idris Al-Syāfi‘e yang juga merupakan kitab ulung beliau. Dalam kitab ini, isu *nusyūz* dijelaskan dalam Bab Nafkah, iaitu *nusyūz* lelaki terhadap perempuan dan juga *nusyūz* perempuan terhadap lelaki. Selain itu, satu topik berkaitan *nusyūz* juga dihuraikan bersama khulu‘ atau tebus talaq.

Kitab lain dari mazhab al-Syafie yang juga dirujuk adalah kitab *Al-Muhadhab Fī Fiqh Al-Imām Al-Syāfi‘e*<sup>6</sup> yang dikarang oleh Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf Al-Fairuzabādī Al-Syīrāzī. Kitab ini tidak membincangkan secara khusus berkenaan *nusyūz* dalam mana-mana Bab, namun rujukan asas berkenaan *nusyūz* ini terdapat dalam Kitab Al-Nafaqat. Antara intipatinya adalah berkenaan Fasal tindakan-tindakan isteri yang boleh menyebabkan hak nafkahnya gugur dan dinafikan yang juga secara tidak langsung menjelaskan perihal *nusyūz*. Terdapat juga kitab-kitab turath yang lain yang turut membincangkan *nusyūz* secara umum, iaitu seperti kitab *Rauḍah al-Ṭolibīn*<sup>7</sup> karangan Abū Zakaria Yaḥya Ibn Syāraf Al-Nawawī dan kitab *Mughnī al-Muḥtāj Ila Ma‘rīfah Al-Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*<sup>8</sup> karangan Syeikh Muḥammad Al-Khāṭīb Al-Syarbīnī.

Perbandingan skop perbincangan dalam penulisan para fuqaha masa kini juga adalah selaras dengan perubahan zaman. Pembaharuan dalam penulisan para fuqaha kontemporari adalah dengan mengupas, menganalisa dan memberikan kritikan kepada isu dan persoalan pokok perbincangan. Sumber yang paling dekat adalah penulisan Dr. Wahbah Al-Zuhaylī dalam kitabnya yang sentiasa menjadi rujukan, kitab *Fiqh Al-Islāmī Wa ‘Adillatuh*<sup>9</sup>. Dalam kitab ini, Dr. Wahbah membincangkan tanggungjawab isteri dan keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan isteri disabitkan sebagai *nusyūz*.

---

<sup>5</sup> Al-Syāfi‘e, Muḥammad Ibn Idrīs. (2002). *Al-Umm*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

<sup>6</sup> Al-Syīrāzī, Abī Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf Al-Fairuzabādī. (t.t). *Al-Muhadhab Fī Fiqh Al-Imām Al-Syāfi‘e*. Kaherah : Maktabah Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

<sup>7</sup> Al-Nawāwī, Abū Zakaria Yaḥya Ibn Syāraf. (t.t). *Rauḍah Al-Ṭolibīn*. Beirut : Dār al-Kutub.

<sup>8</sup> Al-Syarbīnī, Muḥammad Al-Khāṭīb. (t.t). *Mughnī al-Muḥtāj Ila Ma‘rīfah Al-Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Kaherah : Dār al-Fikr.

<sup>9</sup> Zuhaylī, Wahbah. (1997). *Fiqh Al-Islāmī Wa ‘Adillatuh*. Kaherah : Dār al-Fikr.

Selain kitab-kitab Fiqh, penulis juga merujuk kepada kitab-kitab tafsir bagi mendapatkan pentafsiran khasnya dalam ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh berkenaan isu *nusyūz*, ayat 34 dan 128 Surah Al-Nisa'.<sup>10</sup>

Seterusnya, kajian kontemporari oleh para ilmuan tempatan juga ada membincangkan persoalan *nusyūz*, namun skop perbincangan adalah terhad dan juga hanya memfokuskan isu *nusyūz* ini dalam persoalan nafkah sahaja. Salah satu daripadanya adalah artikel “*Nafkah Isteri dan Soal Nusyūz*” tulisan Nik Noriani Nik Badli Shah dalam buku *Perkahwinan dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*<sup>11</sup>. Penulisan ini tidak mengupas aspek proses pensabitan *nusyūz* seperti yang hendak dikaji oleh penulis. Hal ini kerana, artikel ini hanyalah mengupas persoalan *nusyūz* secara ringkas di samping permasalahan nafkah dengan mengemukakan contoh-contoh kes yang pernah diputuskan di mahkamah. Artikel ini turut cenderung kepada penekanan terhadap peruntukan-peruntukan statutori di negara-negara selain Malaysia, iaitu Indonesia, Filipina dan negara-negara Timur Tengah.

Penulisan tempatan oleh sarjana moden yang turut mengkaji berkenaan *nusyūz* ialah buku karangan Norzulaili Mohd. Ghazali dan Wan Abdul Fattah Wan Ismail yang bertajuk *Nusyūz, Shiqaq dan Hakam- Menurut al-Quran, Sunah dan Undang-Undang Keluarga Islam*<sup>12</sup>. Daripada tiga bab, hanya satu bab sahaja yang membincangkan persoalan *nusyūz* secara khusus manakala bab lain adalah mengenai shiqaq dan hakam. Penulisan buku ini memberi fokus kepada konsep *nusyūz* secara umum, iaitu merangkumi definisi *nusyūz*,

---

<sup>10</sup> Ibn Kathīr, Abū Al-Fida' 'Imād Al-Dīn Ismā'īl Ibn Al-Khāṭīb Abī Hafs 'Umar Ibn Kathīr Al-Qursyī. (1373H). *Tafsīr Al-Qur'ān Al-'Azīm*. Kaherah : Maṭba'ah al-Istiqāmah; Ibn al-'Arabī, Abū Bakr Muḥammad Ibn 'Abdillāh Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Al-Ma'āfirī Al-Andalusi Al-Mālikī. (1376H). *Aḥkām Al-Qur'ān*. Kaherah : Al-Ḥalabī.

<sup>11</sup> Nik Noriani Nik Badli Shah. (1998). *Perkahwinan dan Perceraian Di Bawah Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur : International Law Book Services.

<sup>12</sup> Norzulaili Mohd. Ghazali dan Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2006). *Nusyūz, Shiqaq dan Hakam- Menurut al-Quran, Sunah dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Negeri Sembilan : Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.

dalil-dalil dan pembahagian *nusyūz*. Di samping itu, kebanyakan skop kajian dalam buku ini membincangkan konsep shiqaq dan hakam termasuklah dari sudut pelaksanaan hakam undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Hasil pemerhatian dan carian penulis, tidak banyak penulisan tempatan yang mengupas dan membincangkan isu *nusyūz*. Atas faktor sumber penulisan yang terhad ini, penulis juga membuat carian dan bacaan dari penulisan dari luar negara. Daripada beberapa penulisan yang ditemui dan dikaji, fokus penulisan-penulisan tersebut boleh dikelompokkan kepada penulisan *nusyūz* dalam konteks feminisme dan gender; keganasan rumah tangga; dan kajian sosiologi. Justeru, ulasan penulis dan perkara ini juga akan dihuraikan mengikut kelompok-kelompok penulisan ini.

Antara penulisan yang memfokuskan isu feminisme dan gender adalah artikel bertajuk *Sociolegal Status of Women in The Four Countries (Indonesia, Malaysia, Philippines and Thailand)*<sup>13</sup>. Penulisan ini memberi fokus kepada kedudukan wanita dalam kerangka perundangan di empat negara tersebut dalam beberapa aspek, iaitu kewarganegaraan dan politik, hak pendidikan dan undang-undang keluarga. Sementara itu, isu *nusyūz* pula dibincangkan dalam aspek undang-undang keluarga dalam topik hak isteri terhadap nafkah dirinya. Penulis berpendapat bahawa isu *nusyūz* yang dibincangkan agak longgar kerana hanya dijadikan topik sandaran sahaja. Perkara ini berlainan dengan fokus penulis dalam kajian ini yang sahaja mengangkat isu wanita atau isteri, malah turut membuat perbincangan lanjut berkenaan *nusyūz* secara komprehensif.

Sementara itu, kebanyakan penulisan dari penulis luar juga menjadikan isu keganasan terhadap wanita sebagai perkara dalam membicarakan tentang persoalan *nusyūz*, khasnya dalam menghuraikan ayat 34, Surah Al-Nisa'. Antara penulisan-penulisan tersebut

---

<sup>13</sup> (t.p). (2002). *Sociolegal Status of Women in Indonesia, Malaysia, Philippines and Thailand*. (t.p) : Asian Development Bank.

ialah *Exegetical Violence: Nushuz in Quranic Gender Ideology*<sup>14</sup> oleh Sa'diyya Shaikh. Secara keseluruhannya, penulisan ini menekankan konsep *nusyūz* dari aspek hukum syarak yang bukan sahaja *nusyūz* dari pihak isteri, bahkan *nusyūz* oleh suami. Penulisan ini adalah perbincangan yang menumpukan kepada tafsiran *nusyūz* seperti yang dimaksudkan oleh ayat 34, Surah Al-Nisa' dan tindakan yang sewajarnya diambil oleh suami dalam menghadapi *nusyūz* isteri sehinggalah penyesalan atau taubat isteri yang *nusyūz*. Oleh itu, secara kasar, fokus penulis juga adalah terarah kepada isu yang dibincangkan dalam penulisan ini, namun penulis berpendapat bahawa atas kapasiti keperluan maklumat tentang perundangan, kajian panulis juga akan memberikan huraian lanjut tentang proses pensabitan isteri *nusyūz* dalam konteks perundangan.

Sementara itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Prof. Dr Zaitunah Subhan<sup>15</sup> bertajuk *Successful Strategies to Eliminate Harmful Traditional and Cultural Practices of Violence against Women in Families Living According to Islamic Teachings (The Search to Negotiate Gender Equality and Justice)*<sup>16</sup>, kajian memfokuskan strategi yang akan digunakan bagi mengurangkan keganasan terhadap wanita, yang juga melibatkan para isteri dengan berdasarkan prinsip syarak. Strategik-strategik tersebut bukan sahaja bersandarkan kepada Al-Quran dan Hadith sebagai panduan utama, malahan juga berdasarkan prinsip yang digariskan oleh *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)* dalam menangkis segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Penulisan ini adalah berteraskan perjuangan bagi mengurangkan keganasan terhadap wanita dan perkara ini juga menjadi fokus penulisan ini. Penulis tidak menafikan keperluan mesej yang

---

<sup>14</sup> Sa'diyya Shaikh. (1997). *Exegetical Violence: Nushuz in Quranic Gender Ideology*. Journal For Islamic Studies, 17, 49-73.

<sup>15</sup> Pegawai Pakar di Kementerian Hal Ehwal Agama dan Wanita di Republik Indonesia.

<sup>16</sup> Zaitunah Subhan. (t.t). *Successful Strategies to Eliminate Harmful Traditional and Cultural Practices of Violence against Women in Families Living According to Islamic Teachings (The Search to Negotiate Gender Equality and Justice)*.(t.p) : (t.p.p).

cuba dijelaskan oleh penulis artikel ini kerana perkara ini juga memberikan kepentingan kepada wanita. Namun, seperti yang telah penulis nyatakan sebelum ini bahawa tumpuan penulis dalam kajian adalah menyeluruh, iaitu mengenai konsep *nusyūz* menurut syarak dan juga undang-undang.

Penulisan-penulisan lain yang juga menggunakan isu yang sama juga adalah seperti *Wife Battery In Islam : A Comprehensive Understanding of Interpretations*<sup>17</sup> oleh Nawal H. Ammar.<sup>18</sup> Kajian ini membincangkan secara menyeluruh berkenaan pentafsiran ‘memukul isteri’ menurut ayat 34 Surah Al-Nisa’ dengan berasaskan empat mazhab. Pentafsiran juga dibincangkan dalam aspek literal, kepimpinan suami sebagai ketua keluarga dan feminisme terhadap ayat tersebut.

Perkara yang sama juga dibincangkan dalam satu artikel yang bertajuk *To Beat or Not To Beat : On The Exegetical Dilemmas Over Qur’an, 4:34*<sup>19</sup> oleh Mohamed Mahmoud, pentafsiran ayat berkenaan tindakan suami bagi mengatasi *nusyūz* isteri ini juga dibincangkan secara mendalam dan termasuklah dalam aspek pandangan syarak dan campur tangan golongan feminis dalam perkara ini.

Artikel lain adalah hasil tulisan Azizah Y. al-Hibri<sup>20</sup> yang bertajuk *An Islamic Perspective On Domestic Violence*<sup>21</sup>. Penulisan ini membincangkan keganasan rumah tangga menurut al-Quran dan pentafsiran ayat 34 Surah Al-Nisa’ di samping hadith Rasulullah s.a.w dalam perkara berkenaan wanita dan perhambaan. Artikel ini turut

---

<sup>17</sup> Nawal H. Ammar. (2007). *Wife Battery In Islam : A Comprehensive Understanding of Interpretations, Violence Against Women*. Vol. 13, No. 5, hlmn. 516 – 526.

<sup>18</sup> Pensyarah di Universiti Institut Teknologi Ontario, Ottawa.

<sup>19</sup> Mohamed Mahmoud. (2006). *To Beat or Not To Beat : On The Exegetical Dilemmas Over Qur’an, 4:34, The Journal of the American Oriental Society*.

<sup>20</sup> Profesor undang-undang di Sekolah Undang-Undang T.C. Williams, Universiti Richmond dan Presiden/Pengasas Muslim Women Lawyers for Human Rights (KARAMAH).

<sup>21</sup> Azizah Y. al-Hibri. (2004). *An Islamic Perspective On Domestic Violence, Fordham International Law Journal*. hlmn. 195 – 224.

menyentuh berkenaan konsep *nusyūz*, wanita yang taat dan sebaliknya serta konsep ‘memukul’ yang digariskan oleh syarak.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga penulisan di atas menumpukan terhadap tafsiran surah Al-Nisaa’ ayat 34 berkenaan konsep *nusyūz* dan termasuklah kaedah memukul yang dibenarkan syarak. Tidak dinafikan bahawa isu ini juga merupakan antara fokus utama penulis dalam kajian yang dijalankan ini dan secara tidak langsung dapat membantu penulis dalam memahami kehendak syarak melalui surah Al-Nisaa’ ayat 34 tersebut. Sebagai tambahan dalam kajian penulis, *nusyūz* tidak boleh hanya terhenti kajian dari aspek konsep syaraknya sahaja, malah perlu dihuraikan menurut pandangan undang-undang yang terpakai.

Seterusnya, selain isu keganasan dan diskriminasi terhadap wanita dan isteri serta isu gender dan feminisme, terdapat penulisan-penulisan yang membincangkan tentang *nusyūz* dalam aspek kajian sosiologi terhadap isu *nusyūz* dalam sesuatu kelompok masyarakat. Dengan kajian seumpama ini dapat memberikan pendedahan dan gambaran jelas mengenai persepsi dan perihal *nusyūz* dalam sesuatu konteks masyarakat tersebut.

Antara penulisan yang dimaksudkan ialah bertajuk *On the Lived Experience of Battered Women Residing in Shelters*<sup>22</sup> oleh Muhammad M. Haj-Yahia & Hilla Chaya Cohen. Kajian kualitatif ini dijalankan ke atas 18 orang wanita yang menjadi mangsa keganasan dan sedang diberikan perlindungan dan juga merupakan responden dalam kajian ini. Metode yang digunakan adalah temubual dengan menjadikan 4 perkara utama sebagai asas kajian, iaitu persepsi wanita tersebut terhadap tempat tersebut, persepsi terhadap pengalaman hidupnya, persepsi terhadap wanita lain yang turut diberikan perlindungan dan juga persepsinya terhadap kakitangan tempat perlindungan tersebut. Walaupun kajian ini

---

<sup>22</sup> Muhammad M. Haj-Yahia dan Hilla Chaya Cohen. (2009). On the Lived Experience of Battered Women Residing in Shelters, *Journal of Family Violence*, Vol. 24, hlmn. 95 – 109.



tidak hanya memfokuskan kepada persoalan *nusyūz* sahaja, namun input dalam perkara ini dapat dilihat dalam perkara yang kedua asas kajian, iaitu berkenaan pengalaman hidup wanita-wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Penulisan kajian sosiologi yang lain adalah bertajuk *Nusyuz Suami Isteri (Tinjauan Sosiologis: Studi Kasus Pada Keluarga Tani)*<sup>23</sup> yang dijalankan oleh Z. A. Kadir<sup>24</sup> terhadap keluarga petani. Kajian ini dibuat melalui kaedah tinjauan dan temubual terhadap 20 keluarga petani dan dapatan kajian ini menunjukkan antara faktor berlakunya *nusyūz* adalah disebabkan pasangan berkahwin pada usia muda, pengalaman atau pendidikan yang minimum dalam aspek pengurusan rumah tangga, pendapatan tidak tetap dan tanggungan yang ramai.

Kajian kes seterusnya adalah bertajuk *Attitudes of Turkish Men Toward Wife Beating : A Study from Bursa, Turkey*<sup>25</sup> oleh sekumpulan pensyarah dari Fakulti Perubatan dan Ekonomi, Universiti Uludag, Turki yang terdiri daripada Alis Ozcakir, Nuran Bayram, Nilufer Ergin, Kerem Selimoglu dan Nazan Bilgel. Responden kajian ini adalah terdiri daripada lelaki berkahwin yang telah menghadiri pusat kesihatan dan sebilangan 1,341 responden telah memberikan maklum balas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kelaziman isteri dipukul adalah sebanyak 29% sepanjang hayatnya.

Maklum balas daripada responden juga menunjukkan bahawa daripada jumlah responden yang merupakan lelaki berkahwin, 42.7% daripadanya adalah mangsa penderaan fizikal semasa zaman kanak-kanak. 17.9% responden juga berpendapat bahawa suami mempunyai hak untuk memukul isteri. Antara faktor yang menyebabkan penderaan terhadap isteri di Turki menurut kajian ini ialah wanita mempunyai taraf pendidikan yang

---

<sup>23</sup> Z. A. Kadir. (2006). Nusyuz Suami Isteri (Tinjauan Sosiologis: Studi Kasus Pada Keluarga Tani), *Jurnal Agrisistem*, Vol 2 No. 2, hlmn. 108 – 116.

<sup>24</sup> Pensyarah di Sekolah Tinggi Penyuluhan Pertanian (STPP) Gowa.

<sup>25</sup> Alis Ozcakir *et al.* (2008). Attitudes of Turkish Men Toward Wife Beating : A Study from Bursa, Turkey, *Journal of Family Violence*, Vol. 23, hlmn. 631 – 638.

rendah, bilangan anak yang ramai, pengalaman dipukul semasa kecil dan pengaruh akibat pengambilan alkohol.

Daripada ketiga-tiga penulisan tersebut, kajian lapangan telah dilakukan terhadap masyarakat di negara-negara tersebut atas tujuan mengenalpasti perihal *nusyūz* dalam konteks masyarakat tersebut dan termasuklah mangsa-mangsa keganasan. Secara jelasnya, penulisan tersebut adalah hasil kajian terhadap responden-responden yang berkait rapat dengan isu *nusyūz*. Sementara itu, kajian penulis juga menggunakan kajian lapangan sebagai metodologi pengumpulan data, namun dalam fokus yang berbeza dan tentunya memberikan hasil yang berbeza. Kajian lapangan penulis adalah ke atas fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan analisis yang dijalankan akan menjawab objektif dan persoalan kajian ini.

Selain itu, penulis juga membuat penelitian terhadap penulisan yang tidak diterbitkan seperti tesis, disertasi dan latian ilmiah. Kebanyakan kajian ini membincangkan konsep *nusyūz* dan kajian kes di mahkamah syariah. Tiada penekanan diberikan terhadap prosedur pensabitan *nusyūz* melalui kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

Antara penulisan-penulisan tersebut adalah tesis PhD bertajuk *Gender and Sexuality : An Islamic Perspective*<sup>26</sup> oleh Ahmad Shehu Abdulssalam, Tesis PhD dari Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kullliyyah Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dalam kajian ini, antara kupasan adalah berkenaan perhubungan dan cara pergaulan suami isteri. Namun, kajian ini memberikan penekanan kepada hak dan tanggungjawab dari aspek gender di samping kesamaan dan ketaksamaan gender (*gender equality and inequality*). Isu *nusyūz* hanya disentuh dalam membincangkan tanggungjawab isteri kepada suami dan tiada huraian lanjut *nusyūz* dari perspektif hukum syarak. Kupasan

---

<sup>26</sup> Ahmad Shehu Abdulssalam. (2006). *Gender and Sexuality : An Islamic Perspective*, Tesis PhD, Kullliyyah Sains Kemanusiaan, University Islam Antarabangsa Malaysia.

kajian ini juga adalah secara umum dan turut menyentuh berkenaan kaedah berpakaian dan berhias serta aurat wanita. Penulisan ini lebih berbentuk umum dalam membincangkan isu *nusyūz* kerana tumpuan juga diberikan terhadap isu gender. Perkara ini tidaklah menjadi prioriti penulis dalam kajian yang dijalankan kerana konsep *nusyūz* dari aspek syarak, perundangan dan juga kajian kes akan dianalisis bagi memberikan kupasan yang berbeza dari tesis ini.

Selain itu, ada penulisan melalui Disertasi yang dihasilkan yang membincangkan persoalan *nusyūz* dalam isu-isu berbangkit yang lain seperti dalam isu nafkah dan mut'ah. Azman bin Yusof telah menghasilkan Disertasinya yang bertajuk *Mut'ah : Pelaksanaannya Menurut Akta undang-Undang keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984*<sup>27</sup> dan antara intipati *nusyūz* yang dibincangkan adalah berkenaan efek *nusyūz* terhadap mut'ah. Sementara kajian penulis juga mengupas tentang mut'ah namun bukanlah sebagai topik utama kerana isu mut'ah akan dihuraikan sebagai implikasi *nusyūz* itu akibat dari pensabitan daripada mahkamah.

Justeru, daripada ulasan-ulasan penulisan yang dikemukakan ini, masih terdapat banyak ruang dalam tajuk *nusyūz* untuk dikaji dan dihalusi. Ruang-ruang tersebut juga termasuklah fokus utama penulis dalam kajian ini, iaitu memfokuskan proses pensabitan isteri *nusyūz* dalam perspektif undang-undang. Daripada kajian-kajian yang terdahulu juga didapati bahawa belum ada lagi kajian atau penulisan yang secara serius membincangkan fokus penulis dalam kajian ini.

Keseluruhannya, tiada penulisan-penulisan terdahulu yang membincangkan *nusyūz* dari aspek perundangan Islam di Malaysia secara terperinci di samping prosedur pensabitan *nusyūz* di mahkamah syariah. Penulisan-penulisan tersebut banyak membincangkan topik-

---

<sup>27</sup> Azman bin Yusof. (2002). *Muta'ah : Pelaksanaannya Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984*. Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

topik tertentu seperti keganasan terhadap wanita, gender dan konsep *nusyūz* menurut syarak. Secara tidak langsung, penulisan-penulisan seumpama ini dapat membantu dan memberi panduan kepada penulis dalam menjalankan kajian ini. Penulisan-penulisan sedia ada merupakan suatu titik tolak yang terbaik dalam memandu penulis mendapatkan maklumat-maklumat dan data yang berkenaan.

Selain itu, dengan kajian yang dijalankan oleh penulis ini dapat menjadi landasan kepada penulisan-penulisan seterusnya dalam memahami dan membincangkan proses perundangan Syariah di Malaysia dalam persoalan pensabitan *nusyūz*. Pendedahan ini juga dirasakan perlu dan tepat pada masanya berikutan kebanyakan kepincangan rumah tangga disebabkan ketidakpatuhan terhadap tanggungjawab sama ada sebagai suami mahupun isteri di dalam rumah tangga. Pendedahan ini juga dapat memberikan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat bahawa terdapat jalan penyelesaian yang digariskan oleh syarak dan juga perundangan dalam menghadapi situasi isteri berkelakuan *nusyūz*.

## **1.9 Metodologi Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini terbahagi kepada dua peringkat penyelidikan, iaitu pengumpulan data dan juga penganalisan data. Dengan mempraktikkan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data yang baik dapat menghasilkan penulisan kajian yang berkualiti. Kedua-dua kaedah ini juga merupakan prinsip utama dalam penghasilan kajian yang mencakupi input dan maklumat berkenaan subjek atau isu utama yang dikaji melalui kaedah pengumpulan data. Di samping itu, kaedah analisis data yang mantap pula dapat memberikan keputusan kajian yang tepat dan konsisten serta secara tidak langsung objektif kajian dapat tercapai dengan jayanya.

### **1.9.1 Metode Pengumpulan Data**

Dalam mengumpulkan data dan maklumat bagi menjalankan kajian ini, penulis mengaplikasikan dua kaedah penyelidikan iaitu Kajian Kepustakaan dan Kajian Lapangan.

#### **1.9.1.1 Kajian Kepustakaan**

Salah satu cara bagi mendapatkan data adalah melalui Kajian Kepustakaan yang juga merupakan kaedah secara dokumentasi yang diaplikasikan dalam kajian ini dengan cara mengumpulkan data dan membuat interpretasi terhadap data-data terkumpul tersebut. Fokus kajian perpustakaan adalah melakukan pengkajian terhadap dokumen yang sedia ada dan kajian yang sudah dihasilkan. Atas tujuan membentuk landasan konsep dan teori bagi kajian ini, maka rujukan perlu dibuat terhadap bahan-bahan semasa yang terdapat dalam depositori perpustakaan di negara ini.

Selain itu, dengan menggunakan kajian perpustakaan ini juga secara tidak langsung penulis turut menggunakan metode dokumentasi dalam mengumpulkan data dan maklumat bagi kajian ini. Hal ini kerana kajian ini dijalankan bagi mengumpulkan data-data dan maklumat dan seterusnya disaring untuk memperoleh maklumat yang bertepatan dengan kajian.

Kajian kepustakaan ini digunakan sebagai metod asas kajian terutamanya bagi membentangkan perbahasan dan perbincangan para ulama Fiqh dalam mengupas persoalan *nusyūz* menurut pandangan Islam. Lantaran itu, kajian dilaksanakan melalui pengumpulan dan analisis bahan-bahan penulisan terdahulu yang terdapat di dalam kitab-kitab karangan ulama-ulama silam dan semasa.

Dalam perbincangan konsep *nusyūz*, penulis membuat rujukan terhadap bahan-bahan literatur termasuklah buku undang-undang, artikel jurnal, akhbar, kertas kerja dan

juga maklumat daripada sumber internet. Begitu juga rujukan utama terhadap al-Quran dan al-Hadith dalam mengupas persoalan *nusyūz* dalam kajian ini. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber utama dan asas dalam kajian ini.

Kajian kepustakaan ini dipraktikkan dengan penulis mendapatkan buku-buku dan bahan-bahan lain di beberapa perpustakaan, seperti perpustakaan di Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Selain di perpustakaan universiti awam tempatan, penulis turut mendapatkan bahan-bahan rujukan di perpustakaan badan kerajaan seperti Perpustakaan Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Di samping itu, penulis turut membeli buku-buku dan membuat pinjaman artikel dan buku daripada para pensyarah sebagai langkah mengumpulkan data dan maklumat dalam kajian ini.

#### **1.9.1.2 Kajian Lapangan**

Di samping itu kaedah kajian Kepustakaan yang menjurus kepada rujukan terus kepada kitab-kitab dan buku-buku serta laporan-laporan akademik, penulis juga menggunakan metode pengumpulan data melalui kajian lapangan. Kajian lapangan menuntut agar penulis untuk menghadiri tempat kajian dalam proses mengumpulkan data dan maklumat. Kaedah ini dilaksanakan bagi mendapatkan data-data primer daripada MRSWP Kuala Lumpur. Kajian lapangan ini digunakan untuk tujuan mendapatkan statistik kes dan mengakses fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang diputuskan oleh mahkamah.

Oleh demikian, penulis membahagikan beberapa kaedah lain yang digunakan bagi mengumpulkan data melalui kajian lapangan ini, iaitu kaedah penelitian kes, kaedah temubual dan kaedah observasi atau pemerhatian.

#### **1.9.1.2.1 Kaedah Penelitian Kes**

Kaedah penelitian kes dipraktikkan dalam kajian ini dengan mengumpulkan data yang diperoleh dari dokumen rasmi iaitu, akses secara terus fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* ataupun fail kes lain yang mempunyai isu isteri *nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur. Dengan cara ini juga penulis dapat membuat penilaian dan analisis ke atas data-data yang diperoleh bagi menyokong perbincangan penulis selanjutnya secara telus.

Oleh kerana tidak banyak kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan di MRSWP Kuala Lumpur, maka penulis berpendapat adalah sewajarnya penulis mendapatkan semua fail kes yang telah selesai bagi mendapatkan data yang lebih tepat. Penulis juga telah menyediakan satu set soal selidik kajian kes yang digunakan semasa proses mengakses fail bagi mengumpulkan data. Set soalan ini merangkumi keseluruhan isi dan maklumat fail yang diperlukan dalam sesuatu kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Borang soal selidik fail ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama, iaitu Bahagian A berkaitan profil kes, Bahagian B berkenaan latar belakang fail kes dan Bahagian C pula ada menyentuh berkenaan maklumat fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*.

Sementara itu, bagi memastikan bahawa set soal selidik yang disediakan tersebut boleh digunakan dalam proses mendapatkan data dan maklumat, penulis telah menjalankan kajian awal terhadap soal selidik tersebut. Kajian awal ini juga bagi menentukan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi sesuatu fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* sebelum dijadikan soal selidik untuk kajian sebenar. Dalam kajian ini, penulis telah menjalankan kajian awal terhadap 30 fail kes, iaitu 52% daripada keseluruhan 58 kes yang didaftarkan sepanjang tempoh kajian. Hasil daripada kajian awal, set soal selidik tersebut dibentuk semula dengan berdasarkan objektif dan fokus kajian ini.

Statistik kes diperoleh melalui Portal E-Syariah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan fail kes yang diakses adalah bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang telah difailkan sepanjang tahun kajian penulis, iaitu dari tahun 2004 hingga 2009. Penulis telah mengakses dan meneliti setiap fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dengan 48 kes telah berjaya diselesaikan daripada 58 kes yang telah didaftarkan sepanjang tempoh tersebut dan menjadi fokus utama dalam mendapatkan data.

#### **1.9.1.2.2 Kaedah Temubual**

Kaedah temubual ini penulis gunakan sebagai salah satu teknik dalam mendapatkan data dan maklumat dengan menemubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam isu isteri *nusyūz* ini, khasnya dalam membincangkan dari sudut perundangan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kepentingan kaedah ini digunakan dalam kajian penulis ini ialah bagi menambahbaik dan juga memastikan segala data yang diperoleh sama ada melalui pengaksesan fail kes dan maklumat lain adalah tepat dan benar.

Kaedah temubual ini dijalankan ke atas pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes atau sesi aduan dan kaunseling mahupun pentadbiran. Antara pihak yang berautoriti sebagai pihak yang ditemubual adalah seperti Ketua Hakim Syarie, Ketua Pendaftar dan Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Penulis juga menemubual Pegawai di Unit Rundingcara dan Unit Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang juga termasuk dalam senarai informan dalam sesi temubual dalam proses pengumpulan data dan maklumat. Soalan yang dikemukakan semasa sesi temubual bagi pegawai mahkamah dan Unit Rundingcara adalah lebih memfokuskan kepada bidangkuasa mahkamah dan prosedur pensabitan isteri *nusyūz*.



di samping konsep atau pentafsiran *nusyūz* mengikut kehendak syarak dan keselarasan undang-undang dalam isu *nusyūz* ini.

#### **1.9.1.2.3 Kaedah Observasi**

Kaedah observasi atau pemerhatian juga digunakan dalam kajian penyelidikan ini. Metode ini dilaksanakan dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penyelidikan untuk mendapatkan data dan maklumat di samping dapat membantu metod temubual yang membuktikan data tersebut adalah betul. Data-data yang terkumpul melalui kajian lapangan seperti statistik dan kes-kes yang diperoleh dianalisis bagi menunjukkan keadaan sebenar.

Pemerhatian akan dilakukan untuk melihat secara lebih jelas prosiding perbicaraan di mahkamah dan juga sesi aduan bagi kes-kes isteri *nusyūz* di samping kes perintah isteri taat di Unit Rundingcara, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kaedah ini juga bertujuan untuk penulis dapat membuat pengamatan secara langsung dalam proses mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan sebagai bahan bukti kepada kajian yang dilakukan dan juga akan memperkukuhkan lagi maklumat-maklumat yang diperolehi melalui temubual.

#### **1.9.2 Metode Analisis Data**

Kaedah menganalisis data bagi kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan juga pendekatan kuantitatif. Pendekatan kualitatif yang dimaksudkan ialah melalui landasan teori yang dipersembahkan melalui bab dua dan bab tiga, iaitu dalam menjelaskan konsep *nusyūz* dalam perspektif syarak dan juga dari pandangan undang-undang Islam yang dipakai. Pendekatan kuantitatif pula melibatkan bab

analisis penulis terhadap statistik kes dan data yang diperoleh dari penelitian terhadap fail kes.

Analisis data adalah menggunakan kaedah analisis diskriptif. Penganalisaan data dan maklumat ini akan dibuat terhadap maklumat-maklumat yang diperolehi daripada 48 fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz*. Setelah data-data dan maklumat dikumpul, penulis seterusnya menggunakan beberapa metod untuk tujuan penganalisaan dan penyusunan. Antara metod yang digunakan ialah metode Induktif, Deduktif dan Komparatif.

#### **1.9.2.1 Kaedah Induktif**

Metode ini adalah satu kaedah yang menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada, iaitu membuat kesimpulan berasaskan data-data yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Data yang biasa digunakan untuk menghuraikan masalah, kerangka teori dan lain-lain data diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Data-data ini diperoleh melalui kajian-kajian terdahulu termasuklah kitab-kitab Fiqh. Secara lebih jelas, kaedah ini diaplikasikan dalam bab dua dan tiga kajian ini.

#### **1.9.2.2 Kaedah Deduktif**

Metode ini adalah satu proses penganalisaan berdasarkan data-data yang mencari pembuktian yang bersifat khusus untuk mencapai satu kesimpulan bersifat umum. Dengan menggunakan data tentang sesuatu perkara, kemudian teori umum digunakan untuk menghurai data tersebut secara khusus. Pengaplikasian metode ini dapat dijalankan dalam bab empat dan bab lima agar bersesuaian dengan kajian penulis. Teori-teori tersebut akan dibentuk mengikut pembahagian bab sepertimana di dalam kerangka teori kajian. Dengan

menggunakan pendekatan metodologi penganalisaan data di atas, kesimpulan yang tepat akan dapat dibuat di bawah saranan, cadangan mahupun komentar terhadap realiti dalam persoalan *nusyūz* dari sudut hukum syarak, kerangka perundangan dan juga proses pensabitan isteri *nusyūz* di mahkamah.

### **1.9.2.3 Kaedah Komparatif**

Penulis turut mengaplikasikan metod komparatif ini dalam penulisan kajian, iaitu bagi melihat perbandingan jumlah pendaftaran kes yang ternyata amat berbeza sepanjang enam tahun tempoh kajian ini. Metode ini diaplikasikan dalam bab empat, iaitu dalam menganalisis setiap kes yang melibatkan *nusyūz* berdasarkan kes yang difailkan dan didengar serta diputuskan oleh mahkamah. Justeru, secara tidak langsung, penulis dapat membuat penilaian mengenai sejauhmana perkembangan yang berlaku mengenai persoalan *nusyūz* lantaran peruntukan *nusyūz* yang sempit di dalam perundangan.